



INTERNATIONAL JOURNAL OF
EDUCATION, PSYCHOLOGY
AND COUNSELLING
(IJEPC)

www.ijepec.com



**SATU KERTAS KONSEP HUBUNGAN PENGARUH KELUARGA
DAN KECENDERUNGAN KEUSAHAWANAN DALAM
KALANGAN PELAJAR-PELAJAR UNIVERSITI**

*A CONCEPTUAL PAPER ON THE RELATIONSHIP BETWEEN FAMILY
INFLUENCE AND ENTREPRENEURIAL TENDENCY AMONG UNIVERSITY
UNDERGRADUATE*

Nurul Hanis Athirah Ab Rahman¹, Nur Yuhainis Ab Wahab^{2*}

¹ Faculty of Management and Economy, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia
Email: hanisathirah239@gmail.com

² Faculty of Management and Economy, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia
Email: yuhainis@fpe.upsi.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 29.07.2021

Revised date: 23.08.2021

Accepted date: 19.09.2021

Published date: 30.09.2021

To cite this document:

Ab Rahman, N. H. A., & Ab Wahab, N. Y. (2021). Satu Kertas Konsep Hubungan Pengaruh Keluarga Dan Kecenderungan Keusahawanan Dalam Kalangan Pelajar-Pelajar Universiti. *International Journal of Education, Psychology and Counselling*, 6 (42), 455-460.

DOI: 10.35631/IJEPC.642036

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Abstrak:

Pengaruh keluarga adalah antara faktor yang utama dalam mempengaruhi kecenderungan seseorang terlibat dalam bidang keusahawanan. Hal ini kerana keluarga adalah seseorang yang paling dekat dengan seseorang sejak dari kecil hingga dewasa. Maka mereka berupaya untuk memupuk minat dan keterlibatan seseorang untuk menceburi bidang keusahawanan. Perkara ini dilihat dapat membantu kerajaan dalam mengawal masalah pengangguran kerana seseorang yang terlibat dalam bidang keusahawanan secara tidak langsung dapat mencipta peluang pekerjaan kepada orang lain. Hubungan antara pengaruh keluarga dan kecenderungan keusahawanan masih tidak jelas menurut tinjauan meluas ke atas kajian-kajian lalu dan terkini. Hasil kajian lepas telah menunjukkan bahawa hubungan tersebut masih lagi tidak konsisten dan bercampur-campur. Oleh itu, artikel kajian ini memfokuskan pada hubungan antara pengaruh keluarga dan kecenderungan keusahawanan dengan mengusulkan kerangka konsep.

Kata Kunci:

Kecenderungan Keusahawanan, Pengaruh Keluarga, Pelajar-Pelajar Universiti

Abstract:

Family influence is one of the main factors in influencing a person's tendency to engage in entrepreneurship. This is because a family is someone who is closest to a person from childhood to adulthood. So they try to cultivate a person's interest and involvement to venture into entrepreneurship. This is seen to help the government in controlling the problem of unemployment because someone who is involved in entrepreneurship can indirectly create employment opportunities for others. The relationship between family influence and entrepreneurial tendencies remains unclear according to an extensive review of past and recent studies. The results of the study have shown that the relationship is still inconsistent and mixed. Therefore, this research article focuses on the relationship between family influence and entrepreneurial tendencies by proposing a conceptual framework.

Keywords:

Entrepreneurial Tendencies, Family Influence, University Undergraduate

Pengenalan

Bidang keusahawanan di Malaysia membantu dalam meningkatkan ekonomi negara. Justeru itu, pada masa kini kerajaan perlu memperbanyakkan sokongan dan bantuan bagi melahirkan ramai usahawan di Malaysia terutamanya dalam kalangan pelajar di peringkat Universiti. Hal ini adalah selaras dalam mencapai hasrat Kementerian Pembangunan Usahawan dalam Dasar Keusahawanan Nasional (DKN) iaitu ingin membuat satu rancangan nasional jangka panjang yang bertujuan menjadikan Malaysia sebagai negara usahawan unggul menjelang 2030.

Ibu bapa merupakan antara individu yang berperanan dalam mempengaruhi pemikiran anak-anak mereka. Ibu bapa juga berpengaruh dalam pemilihan kerjaya masa depan bagi anak-anak apabila mereka meningkat dewasa (Pablo, Morales dan Vargas, 2014). Ramai usahawan yang menceburi bidang keusahawanan kerana pengaruh keluarga yang terlibat dalam bidang keusahawanan. Seseorang yang berasal dari keluarga yang ada perniagaan sendiri mempunyai peluang besar untuk mengikuti jejak keluarganya dan memulakan perniagaan mereka sendiri (Salmianti, 2013).

Salmianti (2013) juga menyatakan apabila keluarga mempunyai perniagaan sendiri maka ada sesetengah ibu bapa yang akan melibatkan anaknya secara langsung ataupun tidak langsung dalam perniagaannya. Justeru itu, dari situlah anak-anak tersebut dapat belajar cara-cara untuk berniaga sekaligus dapat mempengaruhi anak-anak itu untuk menceburi bidang keusahawanan. Anak-anak tersebut juga bermungkinan akan menghadapi risiko perniagaan yang rendah serta lebih mudah menghadapi cabaran perniagaan kerana mereka mempunyai pakar rujuk dalam bidang keusahawanan iaitu keluarganya sendiri.

Walaupun terdapat banyak kesan positif daripada pengaruh keluarga terhadap kecenderungan seseorang dalam bidang keusahawanan tetapi ada juga kesan negatif yang dapat menghalang seseorang menceburi bidang keusahawanan. Pengaruh ibu bapa terhadap pilihan kerjaya anak-anak mereka masih berkembang hingga kini. Ibu bapa masih mahu anak-anak mereka melakukan pekerjaan yang dilihat mempunyai risiko yang rendah untuk diberhentikan oleh majikan (Noor Azman, 2017).

Oleh demikian, pengaruh keluarga berperan penting dalam mencorakkan kerjaya anak-anak mereka kerana ramai usahawan yang menceburi bidang keusahawanan disebabkan oleh pengaruh keluarga yang terlibat dalam bidang keusahawanan (Salmianti, 2013). Keluarga yang mempunyai latar belakang perniagaan sering mempengaruhi dan memotivasi adik-beradik mereka untuk terlibat dalam aktiviti keusahawanan dan mereka diharapkan mempunyai kecenderungan yang lebih tinggi untuk melancarkan perniagaan di masa depan (Van Auken et al., 2006).

Sorotan Literatur

Definisi Keusahawanan

Bagi definisi keusahawanan pula, Didip Diandra dan Ahmad Azmy, (2020) mengatakan bahawa terdapat banyak definisi keusahawanan. Beberapa di antaranya melihat keusahawanan sebagai proses organisasi yang berjaya, dan lain-lain mendefinisikan keusahawanan sebagai membina pemikiran dan kemahiran. Kao (1993) mendefinisikan keusahawanan sebagai proses melakukan sesuatu yang baru dan sesuatu yang berbeza untuk tujuan mencipta kekayaan bagi individu dan memberi nilai tambah kepada masyarakat. Secara umumnya, keusahawanan merupakan suatu istilah yang digunakan untuk menerangkan proses di mana manusia mengenalpasti peluang untuk memenuhi keperluan dan mengumpulkan segala sumber untuk mencapai matlamat tersebut (Kinzer, 1973; Mohd. Hassan, 2007).

Carton et al., (1998) pula menyatakan bahawa keusahawanan akan didefinisikan secara induktif dari segi apa yang dilakukan oleh individu. Beliau juga mengatakan bahawa keusahawanan adalah mengejar peluang berterusan yang melibatkan penciptaan organisasi (atau suborganisasi) dengan jangkaan penciptaan nilai kepada orang yang terlibat. Pembentukan organisasi melibatkan pengumpulan dan penggunaan sumber dan pembinaan struktur organisasi untuk mengejar peluang. Sri Mas Zarith Mahmud, Rohana Hamzah dan Aminudin Udin (2011) pula mengatakan bahasa keusahawanan itu sendiri adalah pemikiran seseorang yang terbuka untuk melakukan atau membangunkan sesuatu perkara atas daya usahanya sendiri sama ada perniagaan mahupun perkara lain dengan kesanggupan menerima risiko terhadap apa yang diusahakannya itu.

Definisi Pengaruh Keluarga

Pendidikan tidak formal yang diperoleh daripada ahli keluarga yang berjaya memacu aspirasi ke arah kerjaya keusahawanan merupakan definisi bagi pengaruh keluarga dalam bidang keusahawanan (Norfadhilah dan Halimah, 2010). Selain itu, Georgescu dan Emilia (2020) juga menyatakan bahawa anak-anak yang berasal daripada keluarga yang mempunyai latar belakang keusahawanan akan cenderung untuk memulakan perniagaan mereka sendiri atau melibatkan diri dalam perniagaan keluarga. Menurut Noor Azman (2017), pengaruh keluarga didefinisikan sebagai dorongan positif seperti pengalaman menguruskan perniagaan keluarga dan mendapat galakan daripada keluarga. Selain itu, pengaruh keluarga dalam kajian ini turut dilihat dari segi dorongan negatif iaitu mengubah nasib keluarga dan kegagalan ahli keluarga mendapatkan pekerjaan.

Menurut Nandamuri dan Gowthami (2014), keluarga juga telah diiktiraf sebagai institusi terpenting yang meningkatkan kesedaran pelajar mengenai keusahawanan. Tambahan pula, warisan perniagaan dalam keluarga seperti dalam kalangan saudara-mara atau ibu bapa terutamanya yang menjalankan perniagaan mereka sendiri bukan sahaja memberi inspirasi dan persekitaran yang baik dalam bidang keusahawanan, tetapi juga berperanan sebagai satu

peluang untuk mereka belajar menghadapi cabaran perniagaan. Oleh itu, dalam konteks kajian ini, pengaruh keluarga didefinisikan sebagai dorongan yang diberikan oleh ahli keluarga terhadap penglibatan seseorang dalam aktiviti keusahawanan (Noor Azman, 2017).

Kepentingan Pengaruh Keluarga Kepada Bidang Keusahawanan

Pengaruh keluarga sememangnya mempunyai kepentingan kepada bidang keusahawanan kerana latar belakang keluarga yang mempunyai perniagaan sendiri dapat memberi kesan kepada seseorang untuk menceburi bidang keusahawanan atau memulakan perniagaan mereka sendiri (Shittu dan Zainab, 2014). Maka, dari situ seseorang dapat dilihat akan mula berjinak dalam keusahawanan kerana mereka telah dipengaruhi oleh persekitaran mereka sejak dari kecil yang melihat keluarga terlibat dalam bidang keusahawanan.

Keluarga juga telah diiktiraf sebagai institusi terpenting yang meningkatkan kesedaran pelajar mengenai keusahawanan. Latar belakang keluarga dan peranan ibu bapa didapati menjadi faktor yang paling dominan dalam mempengaruhi pembentukan sifat anak-anak mereka terhadap ciri-ciri keusahawanan (Nandamuri dan Gowthami, 2014). Dengan adanya pengaruh daripada keluarga, maka anak-anak akan lebih mudah untuk memilih kerjaya mereka dalam bidang keusahawanan berbanding kerjaya lain kerana mereka telah banyak terdedah dengan ilmu-ilmu keusahawanan daripada keluarga mereka sendiri.

Menurut Boon dan Bohari, (2016) dan Sabree (2002) mendapati bahawa keturunan pengusaha mempunyai kecenderungan yang lebih tinggi untuk menjadi usahawan. Hal ini mungkin disebabkan oleh faktor anak-anak mereka terdedah dalam bidang ini sejak kecil lagi. Persepsi anak terhadap keusahawanan dipengaruhi oleh idea ayahnya. Pendedahan terhadap aktiviti perniagaan setiap hari mungkin menimbulkan minat seseorang terhadap bidang ini. Minat seseorang terhadap bidang ini dapat ditingkatkan melalui pendedahan kepada aktiviti perniagaan setiap hari yang mana seseorang itu perlulah melihat, memahami dan menghayati segalanya tentang kegiatan keusahawanan yang telah didedahkan di depan matanya agar mereka minat terhadap bidang ini.

Hubungan Antara Pengaruh Keluarga dengan Kecenderungan Keusahawanan

Pengaruh keluarga dilihat sebagai faktor yang penting apabila syarikat keluarga diturunkan kepada generasi muda dan dari situlah keluarga dipandang sebagai komponen penting dalam menentukan kesinambungan perniagaan. Biasanya, pewaris keturunan akan dibimbing oleh saudara-mara atau pakar dari generasi sebelumnya (Mohd. Hassan, 2007). Menurut kajian Noor Azman (2017), analisis regresi berganda dalam kajiannya menunjukkan komponen pengaruh keluarga memberi hasil kesan positif dalam bidang keusahawanan. Menurut Shittu & Zainab (2014) dalam kajiannya juga menunjukkan pengaruh daripada latar belakang keluarga dengan kecenderungan keusahawanan mempunyai hubungan signifikan positif.


Seterusnya, kajian Nandamuri dan Gowthami, (2014) pula mendedahkan latar belakang keluarga memainkan peranan yang signifikan terhadap orientasi keusahawanan responden. Walau bagaimanapun, Menurut Rosni dan Norfazila (2010) pula, faktor yang paling rendah dalam mempengaruhi bidang keusahawanan ialah faktor keluarga di antara kesemua faktor dalam kajian yang dijalankan olehnya. Selain itu, dalam kajian yang dibuat oleh Hisrich dan Brush (1986) mendapati bahawa faktor warisan keluarga tidak memberi kesan terhadap keusahawanan pada pengusaha dan menunjukkan bahawa elemen latar belakang keluarga tidak memotivasi pelajar untuk menjadi usahawan (Mohd. Hassan, 2007). Berdasarkan kajian-kajian lepas, pengkaji merumuskan bahawa hubungan antara pengaruh keluarga dengan

kecenderungan keusahawanan masih tidak konsisten. Oleh yang demikian, kajian ini mencadangkan hipotesis seperti berikut:

H1: Faktor pengaruh keluarga mempunyai hubungan yang signifikan dengan kecenderungan keusahawanan.

Kerangka Konsep

Rajah 1 telah menunjukkan satu kerangka konseptual berdasarkan kepada sorotan literatur daripada kajian-kajian lepas serta pembangunan hipotesis yang telah dibangunkan. Model kajian ini menggambarkan hubungan antara pengaruh keluarga dan kecenderungan keusahawanan. Kecenderungan keusahawanan adalah pemboleh ubah bersandar, sementara pengaruh keluarga adalah pemboleh ubah tidak bersandar.



Rajah 1: Kerangka Konsep Kajian

Kesimpulan Dan Cadangan Masa Hadapan

Tujuan kajian ini adalah untuk melihat hubungan antara pengaruh keluarga dan kecenderungan keusahawanan. Penyelidikan ini mempunyai kesan yang signifikan terhadap elemen-elemen yang mendorong kecenderungan keusahawanan dan dapat membantu kajian empirikal, khususnya dalam bidang keusahawanan menjadi lebih banyak. Secara amnya, dapatan kajian ini dapat digunakan untuk menjelaskan bagaimana pengaruh keluarga dapat digunakan untuk meningkatkan minat pelajar-pelajar universiti dalam bidang keusahawanan. Hasil daripada dapatan kajian ini juga dapat membantu pihak-pihak tertentu, khususnya Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dalam menentukan langkah-langkah apa yang perlu dilakukan untuk meningkatkan usaha mengembangkan budaya keusahawanan di negara ini. Dapatan kajian ini juga akan akan memperkayakan lagi khazanah literature sekaligus dapat menambahkan lagi pengetahuan dalam bidang keusahawanan.

Kajian ini hanya mengemukakan kerangka konsep untuk mengkaji pengaruh keluarga terhadap kecenderungan keusahawanan. Berdasarkan hasil sorotan kajian-kajian lepas menunjukkan, kajian ini perlulah diteruskan memandangkan masih terdapat hubungan yang tidak konsisten di antara pengaruh keluarga dan kecenderungan keusahawanan dalam kalangan pelajar-pelajar universiti.

Rujukan

- Boon, Y. B., & Bohari, S. B., (2016), Kesediaan untuk menceburi bidang keusahawanan di kalangan pelajar-pelajar bumiputera tingkatan empat di tiga buah sekolah sekitar Skudai, Johor, *Universiti Teknologi Malaysia*, Retrieved from <https://core.ac.uk/download/pdf/11786110.pdf>
- Carton, R. B., Hofer, C. W., & Meeks, M. D., (1998), *The Entrepreneur and Entrepreneurship: Operational Definitions of Their Role in Society*. 1992, 1–12., https://www.academia.edu/4892378/THE_ENTREPRENEUR_AND_ENTREPRENEURSHIP_OPERATIONAL_DEFINITIONS_OF_THEIR_ROLE_IN_SOCIETY

- Didip Diandra, & Ahmad Azmy. (2020), Understanding Definition of Entrepreneurship. *International Journal of Management, Accounting and Economics*, 7(5), 235–242. www.ijmae.com
- Georgescu, M. ., & Emilia Herman, (2020), The Impact Of The Family Background On Students' Entrepreneurial Intentions: An Empirical Analysis. *Sustainability (Switzerland)*, 12(11). <https://doi.org/10.3390/su12114775>
- Kao, R. W. Y., (1993), Defining Entrepreneurship: Past, Present and? *Creativity and Innovation Management*, 2(1), 69–70. <https://doi.org/10.1111/j.1467-8691.1993.tb00073.x>
- Mohd. Hassan, (2007), *Faktor-faktor Yang Telah Mendorong Graduan Dan Alumni Universiti Teknologi Malaysia Menceburi Bidang Keusahawanan*, Retrieved from <http://eprints.utm.my/id/eprint/5816/1/75004.pdf>
- Nandamuri, P., & Gowthami, C. (2014), Entrepreneurial orientation and family background: a correlation analysis. *GITAM Journal of Management*, 12(4), 30-50, Retrieved from https://papers.ssrn.com/sol3/papers.cfm?abstract_id=2642180
- Noor Azman Abdullah, (2017), Faktor-faktor yang mempengaruhi pelajar Kolej Matrikulasi Perak dalam memilih keusahawanan sebagai kerjaya. In *Universiti Pendidikan Sultan Idris*. (Vol. 91, Issue 5), Retrieved from <https://ir-upsi-edu-my.ezpuustaka2.upsi.edu.my/doc.php?t=d&id=845bdd01c813ae6603f14cdfd4a9eeb660e8a29bc1d7b>
- Norfadhilah Nasharudin, & Halimah Harun, (2010), Aspirasi Kerjaya Keusahawanan dalam Kalangan Pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam, *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 35(1), 11–17. <http://journalarticle.ukm.my/137/>
- Pablo–Lerchundi, I., Morales–Alonso, G., & Vargas–P, A. M., (2014), Does family matter? A study of parents' influence on the entrepreneurial intention of technical degrees students in Spain. In *International Forum on Knowledge Asset Dynamics (IFKAD)(1-15)*, Retrieved from http://udam.etsii.upm.es/index_files/documentos/5_Pablo.pdf
- Nandamuri, P., & Gowthami, C., (2014), Entrepreneurial orientation and family background: a correlation analysis. *GITAM Journal of Management*, 12(4), 30-50, Retrieved from https://papers.ssrn.com/sol3/papers.cfm?abstract_id=2642180
- Rosni Zamuddin Shah Sidek &, & Norfazila Abu Bakar, (2010), Faktor – faktor yang mempengaruhi minat pelajar tahun akhir terhadap bidang keusahawanan di UTM, 10, http://eprints.utm.my/11659/1/Faktor_?_Faktor_Yang_Mempengaruhi_Minat_Pelajar_Tahun_Akhir_Terhadap_Bidang_Keusahawanan_Di_UTM.pdf
- Salmianti Mutalib, (2013), Tinjauan kecenderungan keusahawanan dalam kalangan pelajar di Institusi Pengajian Tinggi Awam. *Journal of Techno-Social*, 5(1), 1–13, Retrieved from <https://publisher.uthm.edu.my/ojs/index.php/JTS/article/view/1411>
- Shittu, A. I., & Zainab. D. O., (2014), Family Background and Entrepreneurial Intention of Fresh Graduates in Nigeria, *Journal of Poverty, Investment and Development-An Open Access International Journal*, 5(2012), 78, Retrieved from <https://citeseerx.ist.psu.edu/viewdoc/download?doi=10.1.1.1017.7317&rep=rep1&type=pdf>
- Sri Mas Zarith Mahmud, Rohana Hamzah, & Amimudin Udin, (2011), Keusahawanan dalam Pendidikan Teknik dan Vokasional (PTV) Di Malaysia, *Journal of Edupress*, 1(September), 209–213., <http://eprints.utm.my/id/eprint/17065/1/JOE-1-2011-026.pdf>
- Van Auken, H., Stephens, P., Fry, F. L., & Silva, J., (2006), Role model influences on entrepreneurial intentions: A comparison between USA and Mexico, *The International Entrepreneurship and Management Journal*, 2(3), 325-336, <https://link.springer.com/article/10.1007/s11365-006-0004-1>